

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID  
[ KEMAMAN ]**

**SOALAN NO. 135**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh mana usaha yang dilakukan oleh pihak Menteri berkaitan pengurusan pelupusan sisa plastik import dari kilang-kilang haram yang ditutup terutamanya di Pelabuhan Klang dan Jenjarom.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, dasar Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) membenarkan pengimportan skrap plastik yang bersih dan *homogeneous* daripada sumber industri dan *post-consumer* tertakluk kepada 18 syarat baharu. Syarikat-syarikat yang mempunyai lesen import (AP) perlu mematuhi kesemua syarat baharu yang telah ditetapkan oleh KPKT. Antara syarat utama adalah keperluan mendapat kelulusan pematuhan daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) dan mendapat kelulusan memasang dan mengoperasi Jentera Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (JKKP).

2. Bagi pengoperasian kilang haram, penguatkuasaan secara besar-besaran telah dilaksanakan yang diketuai oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) bersama-sama agensi persekutuan yang lain secara berterusan. Menurut maklumat dari Jabatan Alam Sekitar (JAS), sebanyak 139 kilang haram telah berjaya ditutup daripada keseluruhan 268 kilang haram yang dikenal pasti beroperasi di seluruh Malaysia pada masa ini.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, polisi KPKT menetapkan bahawa sisa plastik import tidak boleh dilupuskan di tapak-tapak pelupusan di Malaysia bagi mengelak Malaysia menjadi pusat lambakan sisa pepejal import. Oleh itu, KPKT telah mengenal pasti 2 kaedah untuk menguruskan pelupusan sisa plastik import dari kilang-kilang haram seperti berikut:

(i) Sekiranya sisa plastik import dari kilang haram adalah bersih, pihak KPKT akan meminta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengarahkan pemilik kilang haram menjual atau melelong sisa tersebut kepada syarikat yang mempunyai lesen import (AP) sisa plastik daripada Jabatan Pengasingan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) untuk diproses menjadi produk akhir seperti resin dan *flakes*.

(ii) Bagi sisa plastik import dari kilang haram yang kotor pula, pemilik kilang akan diminta untuk melupuskannya menjadi *processed engineered fuel (PEF)* sebagai bahan bakar di kilang simen.

Sekian, terima kasih.